



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA/KPPA/016 JLD18 (51)

Tarikh : 17 Januari 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENGEMASKINIAN MAKLUMAT DAN DATA SEMUA PENJAWAT AWAM DALAM PANGKALAN DATA UTAMA (PADU)

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara tersebut di atas. Surat YBhg. Tan Sri Dato' Seri Ketua Setiausaha Negara mengenai Pelaksanaan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU), rujukan EPU.(S).52-1/77/1(50) bertarikh 20 Disember 2023 adalah berkaitan.

2. Sepertimana YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, PADU telah diluncurkan pada 2 Januari 2024 oleh YAB Perdana Menteri. Serentak dengan tarikh peluncuran tersebut, sistem PADU telah dibuka untuk membolehkan rakyat mendaftar dan mengemas kini maklumat individu dan isi rumah, antaranya berkaitan maklumat asas demografi, pendidikan, pekerjaan, pendapatan, komitmen dan bantuan yang diterima.

3. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, YAB Perdana Menteri semasa mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Bil. 1/2024 pada 14 Januari 2024 telah meminta supaya semua penjawat awam mengemas kini maklumat dan data dalam sistem PADU dengan kadar segera, selewat-lewatnya pada 15 Februari 2024.

4. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dimohon untuk memastikan seluruh warga kementerian dan agensi melakukan pendaftaran dan pengemaskinian di portal PADU melalui pautan <https://padu.gov.my>. Untuk makluman, Kementerian Ekonomi telah diberi tanggungjawab untuk memantau dan memastikan kelancaran proses pendaftaran tersebut. Sebarang pertanyaan berkaitan PADU boleh dikemukakan kepada YBhg. Datuk Dr. Suhana binti Md. Saleh, Pengarah Bahagian Ekonomi Makro, Kementerian Ekonomi melalui emel/telefon suhana.mdsaleh@ekonomi.gov.my /03-80902281 atau Puan Noraini binti Ahmad melalui noraini@ekonomi.gov.my /03-80902283.

5. Kerjasama dan komitmen YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat penting dan diperlukan bagi menjayakan inisiatif PADU.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)

s.k.:

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali
Ketua Setiausaha Negara

YBhg. Datuk Seri Sollehuddin Alyubi bin Zakaria
Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri